

DBKL laksana kajian struktur berhubung kejadian lubang benam

Insiden tiada kaitan banjir kilat

PETALING JAYA – Kejadian lubang benam di Jalan Masjid India tidak ada hubungan secara langsung dengan banjir kilat yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, lubang benam yang berlaku ketika itu kerana beberapa insiden-insiden selain akibat daripada hujan yang lebat.

"Dalam hal ini, berhubung langkah-langkah pencegahan lubang benam di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan kajian struktur tanah yang dipantau oleh Task Force Khas yang bermula sejak berlaku insiden di Jalan Masjid India tersebut, ia masih lagi dalam proses pelaksanaan kajian dalam peringkat akhir.

"Untuk tindakan jangka pendek, DBKL dan agensi yang terlibat juga telah dan sedang melaksanakan audit integriti aset-aset utiliti yang akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat utiliti, yang dimulakan di kawasan Central Business District (CBD) di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Azman Nasrudin (**PN-Padang Serai**) yang meminta Perdana Menteri menyatakan strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir kilat dalam kawasan bandar, khususnya di Kuala Lumpur dan langkah-langkah pencegahan tanah jerlus yang semakin membimbangkan.

Jelas Dr. Zaliha, pihaknya turut melaksanakan pemetaan dan ujian integriti bawah tanah di CBD serta kerja-kerja pembaikan dan penggantian untuk komponen aset yang berada dalam keadaan uzur akan terus



GAMBAR fail bertarikh 30 Ogos 2024 ketika operasi pencarian mangsa insiden lubang benam di Masjid India, Kuala Lumpur.

dijalankan.

"Selain daripada itu, pelaksanaan kerja penyiasatan tanah bagi menentukan struktur lapisan tanah akan menggunakan kaedah *Ground Penetrating Radar* (GPR) dan *Mackintosh Probe* (MP), satu alat yang khusus.

"Seterusnya, ujian geofizik yang sesuai bagi menentukan

perkara-perkara berikut iaitu yang pertama *Micro Gravity* untuk mengesan sama ada adanya lohong di bawah tanah dan kedua *Ground Settlement Monitoring* untuk mengesan pergerakan tanah juga akan turut dijalankan," jelasnya.

Katanya, bagi tindakan jangka panjang, DBKL akan me-

laksanakan juga penyiasatan tanah menggunakan *Deep Boring* (Bore Hole) disertakan dengan ujian makmal.

"DBKL akan mengemukakan laporan geoteknikal oleh Jurutera Awam yang bertauliah pada kadar yang segera untuk kawasan-kawasan pembangunan yang berisiko," ujarnya.